

Zakat^{info}



زكاة قريهاتين
Zakat Pribatin

Edisi Khas



Program NUR RAMADHAN 1436H / 2015M

Zakat Pulau Pinang,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

Ramadhan yang penuh keberkatan menjelma lagi. Program Nur Ramadhan diadakan saban tahun bagi mengagihkan sumbangan zakat kepada asnaf fakir miskin. Program siri 1/2015 kali ini berlangsung di Dewan Millenium. Seramai 1,602 orang penerima bantuan bagi sekitar daerah Seberang Perai. Nilai agihan bantuan pada majlis tersebut adalah sebanyak RM1,070,136.00. Turut serta dalam majlis ini ialah 2 syarikat korporat yang membuat pembayaran zakat perniagaan korporat bagi haul 2014 iaitu Projek Lebuhraya Usahasama Berhad membayar sebanyak RM708,244.00 dan Telekom Malaysia membayar sebanyak RM128,469.00. Majlis telah disempurnakan oleh TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang bersama YB Dato' Haji Salleh Man, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Program Nur Ramadhan siri ke-2/2015 telah diadakan di Masjid Negeri Pulau Pinang pada 16 Jun 2015 yang lalu. Program ini melibatkan penerima dari daerah Timur Laut dan Barat Daya. Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YBhg. Dato' Haji Abdul Halim Hussain. Seramai 690 orang menerima wang tunai sebanyak RM600 berserta hamper dan beras dengan nilai agihan pada hari tersebut sebanyak RM460,920.00.

Pada tahun ini, Zakat Pulau Pinang memperuntukkan sebanyak RM8,570,000.00 untuk diagihkan di sepanjang bulan Ramadhan. Moga lebih ramai asnaf yang menerima manfaat zakat yang kita tunaikan. Zakat Ditunai, Asnaf Terbela. Terima kasih pembayar zakat.



Keluaran Khas Jun 2015 | www.zakatpenang.com.my

PERCUMA



ZAKAT PULAU PINANG

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
No.4 Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: 04-549 8088 Faks: 04-530 6466

زكاة قريهاتين *Zakat Pribatin*

www.zakatpenang.com

f www.facebook.com/zakatpulaupinang

DEWAN MILLENIUM, KEPALA BATAS 15 Jun 2015

Jumlah penerima di Dewan Millenium
(untuk Seberang Perai)
= **1602 orang**

Nilai bantuan
(Wang Tunai, Hamper & Beras)
= **RM1,070,136.00**

Setiap asnaf menerima Wang Tunai
bernilai = **RM600**

Jumlah keseluruhan penerima Program
Nur Ramadhan
= **2,292 orang**



16 Jun 2015 MASJID NEGERI, PULAU PINANG

Keseluruhan nilai sumbangan
= **RM1,531,056.00**

Peruntukan untuk sumbangan di
sepanjang bulan Ramadhan 1436H /
2015 H seperti tertera di Replika Cek
= **RM8,570,000.00**

Jumlah penerima di Masjid Negeri
(Timur Laut dan Barat Daya)
= **690 orang**

Nilai bantuan
(Wang Tunai, Hamper & Beras)
= **RM460,920.00**



2

3



Majlis Pentauliahahan AMIL ZAKAT FITRAH 2015 4 Jun 2015



DI AMBANG RAMADHAN Inapan Kasih Sayang

Pihak pengurusan Inapan Kasih Sayang telah mengadakan Majlis Makan Malam Ambang Ramadhan Inapan Kasih Sayang pada 16 Jun 2015. Semua pelajar Inapan Kasih Sayang iaitu seramai 127 orang terlibat sepanjang berlangsungnya program ini. Tujuan diadakan Majlis Makan Malam Ambang Ramadhan Inapan Kasih Sayang 2015 ini adalah untuk meraikan anak-anak Inapan Kasih Sayang serta menyambut kedatangan bulan Ramadhan 1436H. Selain itu, Majlis Makan Malam Ambang Ramadhan ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim di antara pelajar Inapan Kasih Sayang kakitangan Inapan Kasih Sayang dan kakitangan Zakat Pulau Pinang.

